



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Aras 12-14, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu
Tel.: 088-368600/368601/368700



Bil. JPAN: 6000-500/8/7(34)

25 Julai 2019

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan

**TAWARAN PENCALONAN BAGI MENGIKUTI
PROGRAM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN TAHUN 2019
(OGOS – OKTOBER 2019)**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah mempelawa pihak Y.Bhg. Datuk/ tuan/ puan untuk mengemukakan pencalonan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Y.Bhg. Datuk/ tuan/ puan untuk mengikuti **Program Latihan Dalam Perkhidmatan**. Butiran program ini adalah seperti berikut:-

Bil	Tajuk	Tempat Kursus	Tarikh	Gred	Tarikh Tutup Permohonan
i.	Crisis Communication	Kuala Lumpur	2 – 8 Ogos 2019	48-52	29 Julai 2019
ii.	Challenging Environments, Adaptive Solutions	Kuala Lumpur	20 – 21 Ogos 2019	52	05 Ogos 2019
iii.	The Leader In You	Kuala Lumpur	27 Ogos 2019	41 – 48	05 Ogos 2019
iv.	Data Story Telling	Kuala Lumpur	4 – 5 Sept 2019	44 – 52	07 Ogos 2019
v.	Digital Branding	Kuala Lumpur	9-10 Oktober 2019	44 - 52	20 Ogos 2019



...2/-

“MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA”

Rujukan : 6000-500/8/7 (34)

3. Tujuan program-program latihan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai kerajaan agar mendapat pengetahuan dan kepakaran berkaitan dengan kepimpinan dan budaya organisasi berprestasi tinggi.

4. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut :-

- i. Berumur tidak melebihi 55 tahun pada 1 Januari 2019
- ii. Pegawai-pegawai Kerajaan dalam pelbagai skim perkhidmatan mengikut gred jawatan yang dinyatakan.

5. Kemudahan

Jabatan ini akan membiayai semua perbelanjaan kursus termasuk yuran kursus, tiket penerbangan dan lain-lain lagi.

6. Tatacara Permohonan/Pencalonan

6.1. Tanggungjawab Pegawai

6.1.1. Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan yang disertakan.

6.1.2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPAN/LDP 1/2019 (Lampiran A)
- (ii) Salinan Senarai Kursus yang pernah dihadiri dalam tempoh 3 tahun (cetakan daripada SM2)

6.1.3. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

Rujukan : 6000-500/8/7(34)

6.2. Tanggungjawab Ketua Jabatan

6.2.1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

6.2.2. Semua pencalonan hendaklah diperakukan dengan menggunakan borang JPAN/LDP 1/2019 (Lampiran A). Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sahaja perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen di Perenggan 6.1.2.

7. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:-

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Biasiswa dan Latihan Dalam Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 14, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88450 KOTA KINABALU

7.1. Sebarang pertanyaan dalam urusan ini, sila hubungi:

Tel : 088-368720
E-mel : nancy.chee@sabah.gov.my
atau layari
www.rsog.com.my

8. Hanya pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Kerjasama yang diberikan oleh pihak Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

...4/-

Rujukan : 6000-500/8/7 (34)

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

Saya yang menjalankan amanah,



[ASIAH ISMAIL]

Bahagian Biasiswa dan Latihan Dalam Perkhidmatan (BLDP)
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri

M. A. A. Ismail